

Contoh Aturcara Dengan Penerbangan Qatar Airways (QR)

UMRAH ZIARAH DOHA, QATAR

12 Hari / 10 Malam

HARI 01 : KUL – DOHA – JEDDAH – MADINAH

(SP/MT/MM)

Berkumpul di KLIA 3 jam sebelum berlepas (Jam 0045 @ 12.45 malam) di aras 5 . Selesai check in jemaah akan menaiki pesawat pada jam 0345 @ 3.45 subuh menuju ke Doha, Qatar.

Setibanya di Doha, jemaah akan dibawa “city tour” selama 3 ½ - 4 jam . Di antara tempat-tempat yang akan dilawati adalah : Corniche, Pelabuhan Dhow, Pasar Lama (Old Souq market), Kelab Equestrian , Pasar Falcon, Pasar Buah-buahan dan sayur-sayuran, Tradisional Market dan The City Center Mall . Selesai program, Jemaah akan dibawa semula ke airport untuk penerbangan sambungan ke Jeddah yang dijangka berlepas pada jam 1.30 tengahari waktu tempatan.

Dijangka tiba di Jeddah pada jam 4.05 petang waktu tempatan. Selesai urusan imigresen , Jemaah akan disambut oleh pegawai dan mutawif Ae Nur Services dan dibawa ke Madinah menaiki bas ke hotel yang telah ditetapkan.

HARI 02: MADINAH (ZIARAH DALAM)

(SP,MT,MM)

Selepas sarapan, jemaah akan dibawa melakukan ziarah dalam di Masjid Nabawi seperti Maqam Rasulullah S.A.W. , Maqam Abu Bakar Al Siddiq r.a., Maqam Umar Al Khattab r.a, kawasan Raudhah serta Perkuburan Baqi’.

HARI 03 : MADINAH (ZIARAH LUAR)

(SP ,MT,MM)

Jemaah akan dibawa ziarah luar di sekitar Kota Madinah seperti Masjid Quba, Jabal Uhud, Masjid Qiblatain, Masjid Tujuh , Medan Perang Khandaq dan berbelanja di Pasar Tamar.

HARI 04 : MADINAH - MAKKAH

(SP,MT,MM)

Jemaah akan berihram dan melakukan ziarah widaq’ sebelum berangkat ke Masjid Bir Ali untuk bermiqat (niat umrah). Setibanya di Makkah, jemaah akan mendaftar masuk hotel untuk berehat seketika sebelum dibawa untuk melaksanakan ibadah umrah.

HARI 05 : MAKKAH (ZIARAH LUAR)

(SP,MT,MM)

Jemaah akan dibawa lawatan ke Jabal Thur, Jabal Nur, Arafah (Jabal Rahmah), Muzdalifah , Mina dan Ja’ranah.

HARI 06 : MAKKAH

(SP,MT,MM)

Jemaah bebas melakukan aktiviti sendiri.

HARI 07 : MAKKAH

(SP,MT,MM)

Jemaah akan dibawa ke Hudaibiyah (salah satu miqat untuk berniat umrah). Jemaah akan dibawa melawat Muzium Haramain dan Kilang Membuat Kelambu Kaabah – Kiswah (jika diizinkan).

HARI 08-10 : MAKKAH

(SP,MT,MM)

Jemaah bebas melakukan aktiviti sendiri.

HARI 11 : MAKKAH – JEDDAH - DOHA

(SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, jemaah dikehendaki menyempurnakan Tawaf Wida’ sebelum berangkat ke Jeddah. Seterusnya jemaah akan dibawa melawat di sekitar Bandar Jeddah. 4 jam sebelum berlepas jemaah akan dibawa ke airport untuk penerbangan pulang.

HARI 12 : KUALA LUMPUR

Inshaallah jemaah akan sampai di KLIA pada jam 08.40 pagi waktu Malaysia.